

SOALAN NO : 3 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO : 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN
MOHD RAMLI (DUNGUN)**

TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN 3

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek ECRL setakat ini dan jangkaan perubahan tarikh siap projek tersebut.

SOALAN 63

PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek East Coast Rail Link (ECRL), keputusan jajaran mana yang dipilih oleh Kerajaan dan justifikasi pemilihan jajaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Saya mohon izin untuk menjawab soalan daripada YB Dungun bersekali dengan soalan No. 63 berkaitan Projek ECRL daripada YB Hulu Selangor pada hari ini juga.
2. Kementerian Pengangkutan amat komited untuk memastikan Projek ECRL ini dilaksanakan mengikut jadual dan dapat dinikmati oleh

SOALAN NO : 3 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO : 63

segenap lapisan masyarakat secepat mungkin. Komitmen ini dibuktikan apabila sehingga 31 Ogos 2021, pembinaan keseluruhan projek ini telah mencapai kemajuan sebenar sebanyak 23.96% berbanding jadual sebanyak 25.00%, iaitu sedikit lewat daripada jadual iaitu sebanyak 1.04%, akibat daripada pelaksanaan PKP.

3. Bagi Seksyen A iaitu dari Kota Bharu ke Dungun, skim keretapi telah diluluskan pada 14 Mei 2020 merangkumi pembinaan enam buah stesen iaitu Kota Bharu, Pasir Putih, Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu dan Dungun. Kelulusan ini adalah bertepatan dengan program kerja penyediaan tapak yang telah dilaksanakan bermula pertengahan tahun 2020. Sehingga 31 Ogos 2021, kemajuan kerja fizikal telah mencapai 11.59% berbanding jadual sebanyak 12.01%.

4. Kerja-karya fizikal juga sedang giat dilaksanakan di Seksyen B, iaitu jajaran dari Dungun ke Temerloh. Sejak disambung semula pada Julai 2019, kemajuan kerja fizikal di seksyen ini telah mencapai 28.04% berbanding jadual sebanyak 26.90% merangkumi kerja-kerja tanah dan pembinaan terowong di Dungun, Paka dan Kuantan. Kerja-karya awalan bagi pembinaan terowong di Gambang, Sri Jaya, Gedung Siam dan Paya Pasir juga giat dijalankan.

5. Bagi Seksyen C iaitu dari Temerloh ke Pelabuhan Klang, Kerajaan mengkaji jajaran terbaik bagi memastikan ECRL memberi impak ekonomi yang maksima. Jajaran yang terbaik dan memberi impak maksima kepada rakyat seperti yang diumumkan pada 5 April 2021. Dalam hal ini, adalah penting ECRL dipastikan tersambung secara strategik dengan jaringan logistik rel kebangsaan. Kelebihan logistik ini akan dicapai tanpa mengurangkan kualiti perkhidmatan penumpang, sekaligus menjadikan ECRL sebagai pemangkin ekonomi.

6. Dalam hal ini, cadangan penjajaran balik kepada jajaran utara asal, iaitu Temerloh-Gombak-Serendah dan dilanjutkan ke Pelabuhan Klang telah dipertimbangkan oleh Jemaah Menteri pada 21 Ogos 2020 dan Mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara pada 13 Ogos 2020 serta diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 21 Ogos 2020 dan 2 September 2020.

SOALAN NO : 3 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO : 63

7. Susulan kepada kelulusan Jemaah Menteri, Kementerian Pengangkutan telah mengadakan lebih daripada 37 sesi libat urus yang melibatkan 17 jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Selangor serta 12 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan. Ini bertujuan memperkemaskan cadangan penyelesaian teknikal untuk mengatasi isu-isu sosial dan alam sekitar seperti Permatang Kuarza dan Empangan Batu seperti mana yang telah diwar-warkan. Apabila jajaran ECRL dikembalikan ke jajaran asal, semua perkara ini telah diambil kira. Jajaran utara ECRL telah sekali lagi diangkat untuk pertimbangan Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 dan diluluskan pada hari yang sama.

8. Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan menjangkakan tarikh penyiapan bagi Seksyen A, B masih kekal seperti mana yang dijadualkan, iaitu pada 31 Disember 2026. Walau bagaimanapun, penyiapan Seksyen C dijangka akan mengalami kelewatan selama 12 bulan iaitu pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.